JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

RM1.465 JUTA PACU PEMBANGUNAN KAMPUNG DAN SEKOLAH ANGKAT MADANI JPA

KAMPAR, 31 OKTOBER 2026 – Sebanyak **RM1.465 juta diperuntukkan bagi pembangunan infrastruktur, kemudahan awam dan pendidikan** menerusi Program Kampung dan Sekolah Angkat MADANI Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) 2026 yang memberi manfaat kepada penduduk Kampung Kota Bharu, Kampar dan warga Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Malim Nawar, Perak.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), YBhg. Tan Sri Dr. Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, berkata pelaksanaan program sejak April lalu membuktikan bahawa kerjasama strategik antara agensi kerajaan mampu menterjemahkan perancangan kepada hasil yang memberi manfaat langsung kepada rakyat.

“Pada bulan April lalu, kita hadir membawa pelan tindakan. Dengan peruntukan sebanyak RM500,000 untuk kampung dan RM100,000 untuk sekolah angkat MADANI kita. Tetapi hari ini, pada penghujung bulan Oktober, kita tidak lagi bercakap tentang janji. Hari ini, kita kembali untuk melihat bukti,” katanya pada **Majlis Penutupan Rasmi Program Kampung dan Sekolah Angkat MADANI JPA 2026** di Padang Sekolah Kebangsaan (SK) Kota Baharu, Gopeng, hari ini.

Bagi **Kampung Angkat MADANI**, peruntukan **RM500,000 daripada Kementerian Kewangan dan RM35,000 daripada JPA** digunakan untuk melaksanakan lapan projek fizikal, termasuk menaik taraf Masjid Jamek, dewan orang ramai, klinik kesihatan, balai polis dan astaka SK Kota Baharu, selain pembinaan mercu tanda kampung serta penyediaan papan pintar.

Kerjasama dengan **Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)** turut membolehkan pemasangan **40 unit lampu solar bernilai RM380,000**, manakala **Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM)** memperuntukkan **RM450,000** bagi pembinaan dewan serba guna

baharu yang boleh menempatkan dua gelanggang badminton. Projek dewan tersebut masih dalam pelaksanaan.

Bagi **Sekolah Angkat MADANI, SMK Malim Nawar**, sebanyak **RM90,000** diperuntukkan untuk menaik taraf makmal komputer, bengkel Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) serta makmal sains, manakala **RM10,000** disalurkan bagi program pembangunan pendidikan pelajar dan guru.

Selain pembangunan fizikal, pelbagai program kemasyarakatan dan pendidikan dilaksanakan, termasuk Program Ibadah Korban, GP Joran, Sukan Rakyat, Jelajah Kesihatan dan Psikologi, Tuisyen MADANI, gotong-royong serta Karnival Wira Komuniti.

Majlis penutupan turut menyaksikan **penyampaian Bakul Rahmah kepada 97 keluarga** di Kampung Kota Bharu, selain sumbangan kepada sekolah dan penghargaan kepada rakan strategik.

Tan Sri Dr. Wan Ahmad Dahlan turut menzahirkan kebanggaan terhadap kejayaan **pasukan SK Kota Baharu meraih pingat emas menerusi inovasi *Ecowire Roll*** pada *International Innovation and Entrepreneurship Expo 2026*, 25 Oktober lalu, serta pencapaian seorang pelajar perempuan SMK Malim Nawar yang diberi peluang mewakili Selangor dalam sukan bola sepak.

Menurut beliau, pencapaian tersebut membuktikan bahawa anak-anak luar bandar mampu menyerlah apabila diberikan peluang, kemudahan dan sokongan yang sewajarnya.

“Pegawai awam tidak boleh sekadar berteori; kita mesti berempati. Kita mesti turun padang, mendengar luahan hati, dan memahami sendiri denyut nadi rakyat,” katanya.

Beliau turut menyeru penduduk agar menjaga dan memanfaatkan kemudahan yang disediakan demi kesejahteraan komuniti serta generasi akan datang.

“Kerana pembangunan MADANI bukanlah sekadar tentang membina infrastruktur yang megah, tetapi tentang membina potensi dan jiwa warganya,” katanya.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam
Tarikh : 31 Oktober 2026
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.3 (73)